

DBKL sedia dewan sukan pickleball

PEMINAT pickleball kini boleh bermain di dewan komuniti dan dewan pelbagai guna awam di Kuala Lumpur.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, gelanggang pickleball disediakan di dewan-dewan yang diuruskan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh disewa pada kadar berpatutan.

“Sewaan gelanggang pickleball persendirian biasanya berharga sekitar RM70. DBKL menetapkan kadar sewaan pada RM40 sejam untuk gelanggang tertutup dan RM25 sejam untuk gelanggang terbuka.

“Ini adalah kadar yang lebih berpatutan dan ia dapat menggalakkan lebih ramai orang untuk turut serta.

“Jika ini adalah apa yang dicari

oleh orang ramai, kami akan melakukan yang terbaik untuk menyediakan kemudahan,” katanya selepas melancarkan acara Jom Pickleball Bersama DBKL di Pusat Komuniti Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Hannah berkata, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerima permintaan untuk lebih banyak kemudahan sukan pickleball disediakan.

“Kami gembira kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti DBKL menjadi antara yang terawal memberi respons.

“Dua dewan telah disediakan untuk sukan tersebut di kawasannya,” katanya.

Hannah berharap kadar sewaan yang dikenakan dapat dikurangkan lagi.

“Apabila lebih banyak kemudahan

disediakan, kadar sewaan secara semula jadi akan berkurang.

“Pihak kementerian juga telah mengadakan perbincangan dengan Tenaga Nasional Bhd untuk mengurangkan lagi caj elektrik bagi kemudahan sukan,” katanya.

Gelanggang terbuka disediakan di Pusat Komuniti Bukit Damansara, Pusat Komuniti Sentul Perdana, Dewan Serbaguna Cheras Baru, Dewan Serbaguna Fasa 1E dan Dewan Serbaguna Taman Maluri.

Gelanggang tertutup pula terletak di Dewan Serbaguna Setiawangsa, Dewan Serbaguna Seksyen 4 Wangsa Maju, Dewan Serbaguna Sri Endah, Dewan Serbaguna Kampung Baru, Dewan Serbaguna Taman Bunga Raya, Kompleks Sukan Bangsar, Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail dan Akademi Badminton Cheras. - **BERNAMA**



BEBERAPA dewan komuniti DBKL kini dilengkapi dengan gelanggang pickleball untuk disewa pada kadar harga yang berpatutan.